

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, May 28, 2017 11:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: PELAJAR COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (CAS) UUM PELAJARI ILMU MENJAGA POKOK



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



02 Ramadhan 1438H bersamaan 28 Mei 2017

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

PELAJAR COLLEGE OF ARTS AND SCIENCES (CAS) UUM PELAJARI ILMU MENJAGA POKOK

Sekumpulan pelajar College of Arts and Sciences (CAS), UUM yang mewakili persatuan pelajar di bawah CAS telah menghadiri program 'Ziarah Pokok Angkat' pada 16 Mei lepas bertempat di perkarangan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA CAS). Ianya merupakan sebahagian daripada program 'Tree for The Future'. Program ini dijalankan bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar tentang tatacara menjaga pokok selepas proses penanaman.



Dengan tunjuk ajar yang diberikan oleh pegawai Kolej Pertanian Malaysia (KPM) iaitu Encik Mazlan bin Din dan pasukannya, para pelajar UUM CAS telah mempelajari cara memilih baja yang sesuai dan teknik membaja pokok dengan betul. Menurut En Mazlan, jenis baja yang diberikan perlulah sesuai dengan umur pokok dan perlulah di dalam kuantiti yang betul.



Di samping itu, program ini juga dihadiri oleh Encik Muhamad Aminur Rashid bin Saleh, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP), UUM dan beliau turut memberi tunjuk ajar tentang perkara yang perlu dilakukan ketika membaja.



Timbalan Dekan PPA CAS, Dr Mohamad Farhan Mohsin yang turut menyertai program ini berkata, beliau berharap program ini dapat memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar di samping memupuk semangat cintakan alam sekitar.

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
 UUM College of Arts & Sciences
 Tel: 049285307 | Faks: 049285310
 Email:cas-sadc@uum.edu.my
 Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.